

04/04/2001

BN perlu strategi baru rapatkan hubungan kaum

KUALA LUMPUR, Selasa - Pemimpin Barisan Nasional (BN) perlu menyusun strategi baru bagi merapatkan hubungan antara kaum supaya ia lebih utuh dan berkekalan, kata pemimpin veteran Umno, Tan Sri Mustapa Jabar.

Sambil mengalu-alukan saranan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya isu perpaduan dan semangat patriotik terus dihayati dan dititikberatkan, beliau berkata kegiatan yang sesuai untuk memupuk perpaduan kaum perlu dipergiatkan.

"Pemimpin peringkat atas sama ada Melayu, Cina atau India perlu kerap mengadakan perbincangan serta perundingan bagi mencari pendekatan terbaik mengekalkan perpaduan.

"Selain itu, pegawai penerangan juga seharusnya lebih kerap turun padang bagi memberi penerangan mengenai integrasi kaum di negara ini. Ini diharap dapat menerapkan semangat perpaduan di kalangan penduduk pelbagai kaum.

"Penerangan yang jelas berhubung perkara itu mampu mengelak penduduk pelbagai kaum dipengaruhi oleh anasir luar yang ingin meruntuhkan keharmonian perpaduan," katanya ketika mengulas saranan Perdana Menteri ketika melancarkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), di Dewan Rakyat, hari ini.

Mustapa yang juga bekas Setiausaha Agung Umno berkata, perpaduan penduduk pelbagai kaum di negara ini sebenarnya sudah lama wujud iaitu ketika tiga kaum terbesar di negara bersama-sama bersatu menjadi wakil untuk menuntut kemerdekaan daripada kerajaan British.

Katanya, semangat perpaduan itu seharusnya terus dipupuk supaya ia berkekalan sehingga generasi akan datang.

Beliau berkata, semua pihak perlu menjadikan tragedi 13 Mei 1969 sebagai panduan supaya sejarah hitam itu tidak berulang.

(END)